

06 NOV 2003

Abdullah-Semitik/I

TANGANI "ISU SEMITIK" DENGAN PEMAHAMAN BAIK, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata isu anti-semitik tidak harus dilihat daripada pendekatan konfrontasi tetapi harus ditangani dengan pemahaman yang lebih baik akan isu itu.

"Kita tidak boleh mengambil laluan konfrontasi tetapi perlu mempunyai pemahaman yang lebih baik akan isu penting itu," katanya.

Abdullah memberitahu pemberita demikian selepas julung kali mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno sebagai pemangku presiden Umno selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Jumaat lepas.

Abdullah berkata demikian apabila ditanya mengenai laporan berita dari New York bahawa sentimen anti Semitik terus meningkat di media Arab dan Islam sejak 10 hari lepas dan perkembangan itu semakin serius dan bertambah teruk.

Melihatkan apa yang berlaku di dunia Arab, Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, reaksi terhadap apa yang dikatakan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tiba-tiba bertukar kepada "apa yang kita lihat hari ini".

Ditanya sama ada kenyataan Dr Mahathir semasa sidang kemuncak OIC pada bulan lepas dianggap sebagai bersifat konfrontasi, beliau berkata Dr Mahathir hanya "menjelaskan dan merujuk kepada sejarah."

Di sidang kemuncak itu Dr Mahathir telah berkata kaum Yahudi kini sangat berkuasa dan memerintah dunia melalui proksi.

Abdullah berkata Dr Mahathir hanya menjelaskan apa yang telah berlaku kepada kaum Yahudi yang dianiaya dan bagaimana berjaya mereka hari ini.

Katanya, Dr Mahathir hanya sekadar menjelaskan beberapa peristiwa sejarah di mana beliau mahu umat Islam memahami hakikat "hari ini anda mungkin dianiaya dan Islam dicemuh, jadi bagaimana anda akan bertindak balas?"

"Anda mesti memberi respons dengan penuh kesabaran, pemahaman dan dengan pengetahuan dan anda perlu cari strategi baru untuk terus hidup," kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata beliau tahu Dr Mahathir bukan anti Yahudi tetapi orang Yahudi tidak senang dengan cara beliau menyatakannya.

Merujuk kepada kebangkitan sentimen anti Yahudi di dunia Arab dan Islam, katanya: "Kita sudahpun melihat perkara ini berlaku. Jika ini berterusan...ia akan membawa kita kepada konfrontasi antara dua kumpulan yang pasti tidak baik bagi siapa pun."

Oleh itu Abdullah berkata adalah lebih berguna untuk memahami isu itu dengan baik bagi mengelakkan apa-apa konfrontasi.

Ditanya sama ada Malaysia berganjak daripada pendirian Dr Mahathir, Abdullah berkata: "Ucapan beliau ialah kepada OIC. Itulah pendirian OIC."

-- BERNAMA

SHO SR PR